

**Soalan 15: Yang manakah yang perlu saya lakukan? Bersalat Maghrib dahulu, atau makan dahulu?**

Jawaban: Anda perlu makan dahulu jika makanan telah terhidang.

"إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ وَحَضَرَ الْعِشَاءُ فَابْدَأُوا بِالْعِشَاءِ".

«Apabila didirikan salat dan telah datang makan malam, maka mulakanlah dengan makan malam» [Al-Bukhariy/ 5465].

**Soalan 16: Adakah mungkin seseorang yang berpuasa atau bertarawih tidak mendapat apa-apa pahala?**

Jawaban: Benar, memang ada dalam kalangan orang-orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat apa-apa melainkan lapar. Dan hal yang sama juga dengan orang-orang yang bersalat malam atau bertarawih, ada dalam kalangan mereka yang tidak dapat apa-apa melainkan berjaga malam.

"رَبِّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ، وَرَبِّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ".

«Barangkali seorang yang berpuasa tiada baginya daripada puasanya melainkan lapar, dan barangkali seorang yang berqiyam tiada baginya daripada qiyamnya melainkan berjaga malam» [Ibnu Majah/ 1690, sahih].

**Soalan 17: Jika saya termakan dengan tidak sengaja, bagaimana dengan puasa saya?**

Jawaban: Anda hendaklah meneruskan puasa anda.

"مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ، فَلَيْتَمَّ صَوْمُهُ، فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَاهُ".

«Sesiapa terlupa dalam keadaan dia berpuasa, dan dia makan atau minum, maka hendaklah dia menyempurnakan puasanya, maka sesungguhnya Allah

telah memberinya makan dan telah memberinya minum» [Muslim/ 1156].

**Soalan 18: Ketika berwudhu', bagaimana saya perlu memasukkan air ke dalam hidung?**

Jawaban: Boleh memasukkan air ke dalam hidung, tetapi tidaklah dengan keterlaluan.

"أَسْبِغِ الْوُضُوءَ، وَحَلِّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ، وَبَالِغِ فِي الْإِسْتِشْقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا".

«Sempurnakanlah wudhu', dan selatilah antara jari-jari, dan sampaikanlah pada menyedut (dengan hidung) melainkan jika kamu berpuasa» [At-Tirmizi/ 788, hasan sahih].

**Soalan 19: Yang manakah lebih utama, memberi makan orang berbuka atau moreh?**

Jawaban: Memberi makan orang yang berbuka adalah lebih utama.

"مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا".

«Sesiapa yang memberi berbuka seseorang yang berpuasa, baginya seperti ganjarannya, melainkan sesungguhnya dia tidak mengurangkan daripada ganjaran orang yang berpuasa itu sesuatu pun» [At-Tirmizi/ 807, hasan sahih].

**Soalan 20: Apa sunnah dalam berbuka?**

Jawaban: Mulakan dengan kurma segar, atau kurma kering, atau air.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ عَلَى رُطَبَاتٍ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٍ فَعَلَى تَمْرَاتٍ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ.

Rasulu Llah telah berbuka di atas beberapa kurma segar sebelum dia bersalat. Maka jika tiada beberapa kurma segar, maka di atas beberapa kurma kering. Maka jika ia tiada, dia meneguk beberapa teguk daripada air [Abi Dawud/ 2356, hasan].



# Risalah Ramadhaniyyah

الرسالة الرمضانية

AL-FIRQATU AN-NAAJIAH \* www.al-fikrah.net \* OGOS 2010 \* RAMADHAN 1431H

**Soalan 1: Apakah itu bulan Ramadhan?**

Jawaban: Bulan Ramadhan ialah bulan yang diturunkan Al-Qur'an di dalamnya.

﴿ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ﴾

«Bulan Ramadhan, yang diturunkan di dalamnya Al-Qur'an, sebagai petunjuk untuk manusia, dan sebagai penjelasan-penjelasan daripada petunjuk dan pembeza» [Al-Baqarah: 185].

**Soalan 2: Bilakah tempoh berpuasa?**

Jawaban: Tempoh berpuasa bermula daripada terbit fajar iaitu masuknya waktu Subuh, hingga terbenam matahari, iaitu masuknya waktu Maghrib.

﴿ فَأَلْقَنَ بَشُرُوهُمْ وَابْتَعُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى الْإِيلِ ۗ ﴾

«Maka sekarang, gaulilah mereka dan carilah apa yang ditetapkan Allah untuk kamu, dan makanlah dan minumlah sehingga jelas bagi kamu benang putih daripada benang hitam daripada fajar, kemudian sempurnakanlah puasa sehingga malam» [Al-Baqarah: 187].

## Bacaan Berbuka Puasa

"ذَهَبَ الظَّمَأُ وَابْتَلَّتِ الْعُرُوقُ وَنَبَتَ الاجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ"

Zahaba z-zama'u, wabtallati l-uruq, wasabata l-ajru, in sya'a Llah  
«Telah hilang dahaga, dan telah basah urat-urat, dan telah sabit ganjaran, in sya'a Llah» [Abi Dawud/ 2357, hasan].

**Soalan 3: Saya makan selepas waktu Imsak, tetapi belum masuk waktu Subuh. Adakah puasa saya sah?**

Jawaban: Sah. Tempoh berpuasa bermula daripada azan Subuh, justeru Nabi menyuruh makan dan minum sehingga kedengaran azan Subuh.

"إِنَّ بِالْأَمْرِ يُؤَدُّنَ بِلَيْلٍ، فَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يُؤَدُّنَ، - أَوْ قَالَ - حَتَّىٰ تَسْمَعُوا أَذَانَ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ، وَكَانَ ابْنُ أُمِّ مَكْتُومٍ رَجُلًا أَعْمَى، لَا يُؤَدُّنَ حَتَّىٰ يَقُولَ لَهُ النَّاسُ أَصْبَحْتَ.

«Sesungguhnya Bilal berazan ketika malam, maka makanlah dan minumlah sehingga berazan – atau dia berkata – sehingga kamu mendengar azan Ibnu Ummi Maktum» Dan Ibnu Ummi Maktum adalah lelaki yang buta, dia tidak berazan sehingga manusia mengatakan kepadanya: Telah masuk Subuh [Al-Bukhariy/ 2656].

**Soalan 4: Apakah perkara-perkara yang membatalkan puasa?**

Jawaban: Perkara yang membatalkan puasa ada tiga: bersetubuh, makan dan minum. Hal ini dijelaskan dalam ayat [Al-Baqarah: 187] di sebelah.

**Soalan 5: Apakah tujuan berpuasa sebenarnya?**

Jawaban: Allah berkata dalam Al-Qur'an bahawa penetapan puasa adalah supaya orang-orang yang beriman menjadi bertaqwa kepada Allah.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى

الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

«Wahai orang-orang yang beriman, ditetapkan ke atas kamu puasa, sebagaimana ditetapkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu bertaqwa» [Al-Baqarah: 183].

**Soalan 6: Perlukah saya bersalat malam ketika Ramadhan? Apakah kelebihanannya?**

Jawaban: Salat malam perlu didirikan sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, sesiapa yang berqiyam (mendirikan salat malam) dalam bulan Ramadhan, dosanya yang terdahulu akan diampunkan.

"مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ."

«Sesiapa berqiyam ketika Ramadhan dengan keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya apa-apa yang terdahulu daripada dosanya» [Al-Bukhariy/ 37].

**Soalan 7: Perlukah saya bersadaqah pada bulan Ramadhan? Atau saya perlu menunggu untuk ketibaan Syawal dan memberi duit raya?**

Jawaban: Yang paling utama adalah bersadaqah dalam bulan Ramadhan sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْوَدَ

النَّاسِ، وَكَانَ أَحْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ

يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرسُولُ اللَّهِ صَلَّى

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْوَدَ بِالْحَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

Daripada Ibn `Abbas, dia berkata: Rasulullah adalah manusia yang paling pemurah. Dan dia paling pemurah keadaannya ketika Ramadhan, ketika Jibril menemuinya. Dan dia menemuinya pada setiap malam daripada Ramadhan dan dia mengulangkaji bersamanya Al-Qur'an. Maka sungguh Rasulullah lebih pemurah dengan kebaikan daripada angin yang diutuskan [Al-Bukhariy/ 6].

**Soalan 8: Benarkah syaitan dirantai pada bulan Ramadhan?**

Jawaban: Benar. Syaitan dirantai pada bulan Ramadhan.

"إِذَا جَاءَ رَمَضَانَ، فَتُحْتَبُ أَبْوَابُ

الْجَنَّةِ، وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ، وَصُفِّدَتِ

الشَّيَاطِينُ."

«Apabila datang Ramadhan, dibukakan pintu-pintu syurga, dan ditutupkan pintu-pintu neraka, dan dirantai syaitan-syaitan» [Muslim/ 1079].

**Soalan 9: Jika saya sengaja berbuka lebih lewat, adakah puasa saya lebih baik?**

Jawaban: Bahkan tidak. Orang yang berpuasa hendaklah berbuka apabila terbenamnya matahari, iaitu apabila masuk waktu Maghrib.

"لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَلُوا الْفِطْرَ."

«Sentiasa manusia itu dalam kebaikan selama mana mereka menyegerakan berbuka» [Al-

Bukhariy/ 1957] [Muslim/ 1098].

**Soalan 10: Benarkah puasa boleh mengurangkan nafsu saya?**

Jawaban: Benar. Jika anda berpuasa dengan penuh keimanan dan pengharapan, ia akan menjadi penyekat kepada nafsu.

"يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مِنَ اسْتِطَاعَ مِنْكُمْ

الْبَاءَةَ فَلْيَنْكِحْ، فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ،

وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَا فَلَيْصُمْ، فَإِنَّ

الصَّوْمَ لَهُ وَجَاءٌ."

«Wahai sekalian pemuda-pemuda, sesiapa yang mampu

daripada kamu berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin, maka sesungguhnya ia lebih merendahkan untuk pandangan, dan lebih melindungi untuk kemaluan, dan sesiapa yang tidak, maka hendaklah dia berpuasa, maka sesungguhnya puasa itu baginya adalah penyekat» [An-Nasa'iy As-Sughra/ 3209, sahih].

**Soalan 11: Ketika berpuasa, mulut saya berubah baunya dan ia menyebabkan saya tidak selesa. Apa yang perlu saya lakukan?**

Jawab: Tiada masalah dengan bau tersebut. Anda tidak perlu melakukan apa-apa. Nabi telah menyebut bahawa perubahan bau mulut orang yang berpuasa lebih baik di sisi Allah ta'ala daripada angin minyak wangi.

"الصِّيَامُ جَنَّةٌ، فَلَا يَرِفْتُ، وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ امْرُؤٌ

قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ، فَلْيُثَلِّ: إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ.

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَخُلُوفٌ فِي الصَّائِمِ أَطْيَبُ

عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ، يَتْرُكُ طَعَامَهُ،

وَشَرَابَهُ، وَشَهْوَتَهُ مِنْ أَجْلِي. الصِّيَامُ لِي، وَأَنَا

أَجْرِي بِهِ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا."

«Puasa itu perisai, maka janganlah dia bersetubuh, dan janganlah dia berlaku bodoh, dan jika seseorang memeranginya atau mengutuknya, maka hendaklah dia berkata: Sesungguhnya saya berpuasa, dua kali. Demi yang diri saya di tangan-Nya, sungguh perubahan mulut orang yang berpuasa lebih baik di sisi Allah ta'ala daripada angin minyak wangi, dia meninggalkan makanannya dan minumannya dan syahwatnya demi Saya. Puasa itu untuk Saya, dan Saya yang akan memberi ganjaran dengannya. Dan kebaikan itu dengan sepuluh yang sepertinya» [Al-Bukhariy/ 1894].

**Soalan 12: Saya selalu menipu apabila bercakap. Adakah menipu memberi kesan kepada pahala puasa saya?**

Jawaban: Ya, menipu menyebabkan amalan puasanya tidak diterima oleh Allah.

"مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ، فَلَيْسَ لِلَّهِ

حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ."

«Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata tipu, dan beramal dengannya, maka tiadalah bagi Allah keperluan pada dia meninggalkan makanannya dan minumannya» [Al-Bukhariy/ 1903].

**Soalan 13: Saya sangat sukar untuk bangun sahur. Bolehkah jika saya tidak bersahur?**

Jawaban: Nabi sangat menggalakkan umatnya untuk bersahur, kerana pada sahur itu terdapat keberkatan.

"تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً."

«Bersahurlah, maka sesungguhnya pada sahur itu terdapat barakah» [Al-Bukhariy/ 1923].

**Soalan 14: Hari sangat panas. Bolehkah saya mandi atau membasahkan kepala?**

Jawaban: Boleh. Nabi pernah menuangkan air ke atas kepalanya kerana kepanasan atau dahaga.

قَالَ أَبُو بَكْرٍ: قَالَ الَّذِي حَدَّثَنِي: لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ

اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَرَجِ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ

الْمَاءَ وَهُوَ صَائِمٌ مِنَ الْعَطَشِ أَوْ مِنَ الْحَرِّ.

Berkata Abu Bakr: Telah berkata orang yang telah bercerita kepada saya: Sesungguhnya saya telah melihat Rasula Llah di Al- Arj, dia menuangkan ke atas kepalanya air, dalam keadaan dia berpuasa, disebabkan dahaga atau disebabkan kepanasan [Abi Dawud/ 2365].